



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web: <http://www.pka.gov.my>
Email: onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 2 (23)

Tarikh : 29 April 2020

KEPADA SEMUA:

- I. OPERATOR *ON-DOCK DEPOT*
- II. OPERATOR *OFF-DOCK DEPOT*

Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 13/2020

WAKTU OPERASI BAGI OPERATOR-OPERATOR DEPOH KONTENA KOSONG (*ON-DOCK DEPOT* & *OFF-DOCK DEPOT*) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERHUBUNG COVID-19 DIKUATKUASAKAN (BERMULA 1 MEI 2020 SEHINGGA SATU TARIKH YANG AKAN DIMAKLUMKAN)

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada situasi peningkatan penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan juga di seluruh dunia, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 dan dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020. Perintah ini dikeluarkan di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengarahkan semua pengendali pelabuhan di seluruh negara untuk meneruskan aktiviti import dan eksport berkuatkuasa mulai 29 April 2020 selaras dengan keputusan kerajaan yang bersetuju supaya sektor-sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dan memulihkan sistem rantai bekalan barangan dan perkhidmatan serta kembali bangkit selepas terjejas akibat pandemik COVID-19.

4. Sehubungan itu, Lembaga Pelabuhan Kelang selepas berbincang dengan pihak Industri telah memutuskan **bermula 1 Mei 2020 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak**, semua Operator Depoh Kontena Kosong (*On-Dock Depot* & *Off-Dock Depot*) perlu beroperasi secara 2 syif dengan waktu operasi yang baru seperti berikut:

HARI	MASA BEROPERASI
Isnin hingga Sabtu	8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam (Tutup sementara bagi berbuka puasa : 7.00 malam hingga 8.00 malam)
Ahad / Cuti Umum	8.00 pagi hingga 4.00 petang

5. Pihak Lembaga akan memantau statistik pergerakan kontena kosong di depoh secara mingguan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir dan akan mengkaji semula waktu operasi sekiranya perlu.

6. Semua Operator Depoh Kontena Kosong (*On-Dock Depot & Off-Dock Depot*) diminta untuk mematuhi dan mengikuti garis panduan yang ketat bagi menjamin keselamatan dan kesihatan para pekerja seperti memakai *mask*, menggunakan *hand sanitiser*, mempraktikkan jarak sosial dan sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel. : 03-3168 8358

Faks : 03-3168 7626

E-mel : subra@pka.gov.my

mamp/josc